

# Warga UiTM diminta terus hayati amanat Tun Razak

SHAH ALAM 10 Nov. - Warga Universiti Teknologi Mara (UiTM) diingatkan supaya terus menghayati amanat Perdana Menteri kedua, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein ketika institusi itu ditubuhkan 50 tahun lalu demi menjamin kejayaan bangsa Melayu.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, mesej ayahandanya itu mudah iaitu Allahyarham mahu warga UiTM mempunyai minima yang cemerlang dan berfikiran jauh ke hadapan.

Beliau berkata, cabaran tersebut mesti disahut kerana proses untuk meningkatkan kecemerlangan institusi seperti UiTM merupakan satu proses berterusan yang tidak ada penghujungnya.

"Kita mesti sentiasa berusaha dan berikhtiar bagi menjadikan institusi ini lebih cemerlang.

"Kita juga mahu melihat produk-produk yang lahir daripada UiTM ini bukan sahaja boleh mendapat pekerjaan tetapi boleh menjadi pemimpin, pelopor dan golongan yang mampu mengubah untung nasib bangsa kita," katanya ketika berucap merasmikan Muzium dan Galeri Tun Abdul Razak di UiTM di sini hari ini.

Najib menambah, kerajaan pada masa yang sama juga mahu lepasan UiTM berusaha meletakkan bangsa Melayu di puncak kegembilan dan bukan sekadar mempunyai kelulusan akademik.

"Apa yang lebih penting ialah produk-produk UiTM harus

mempunyai semangat dan daya juang untuk melakukan sesuatu yang lebih baik atas nama bangsa, agama dan negara," kata-

nya.

Mengenai penubuhan muzium tersebut, Najib berkata, kemudahan seperti itu telah diwujudkan oleh kebanyakan institusi pengajian tinggi tersohor dunia seperti Universiti Leiden di Belanda dan Muzium Ashmolean di Universiti Oxford, England.

Katanya, muzium-muzium berkenaan amat terkenal dengan

UM 11/11/06

artifak, manuskrip dan bahan-bahan yang boleh menjadi rujukan yang diiktiraf di seluruh dunia.

Justeru, adalah menjadi harapan saya semoga Galeri dan Muzium Tun Abdul Razak ini bakal menjadi satu tempat rujukan yang terkenal bukan sahaja dalam negara tetapi juga di peringkat antarabangsa.

"Ini kerana di dalam muzium ini juga terkandung pelbagai bahan sejarah yang boleh dijadikan rujukan dan penyelidikan generasi akan datang," katanya.



NAJIB Tun Razak tertarik dengan gambar ayahandanya yang dipamerkan di Muzium dan Galeri Tun Abdul Razak di Shah Alam, Selangor, semalam. Turut memerhati ialah Naib Canselor UiTM, Datuk Seri Prof. Dr. Ibrahim Abu Shah.